

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANCELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 28 JANUARI 2013
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Satu Malaysia dan Salam Sedekad Gemilang, UniMAP di Hati

SALUTASI

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Timbalan Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao,
Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

KATA-KATA ALUAN

Hadirin sekalian,

1. Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya titipkan buat staf UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita yang bukan sahaja akan menyihatkan badan malah sebagai medan untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

SEKSYEN BAHASA INGGERIS

Ladies and Gentlemen,

It is timely for me to share something with you, as respected unizens of UniMAP. Most of you know that my service contract as Vice Chancellor of UniMAP is coming to an end in mid-February 2013. There is a lot of speculation whether my contract will be terminated or extended. Make a guess! Let me break the much awaited news. After the signing of a Concession Agreement between UniMAP and SPK Berhad at Putrajaya recently, the Honorable Minister of Higher Education, Datuk Seri Khaled Nordin handed me a letter to inform that I will remain as Vice Chancellor of UniMAP for another 2 years till 2015. It is good news to me and I hope all of you will share it with me in good faith.

Insyallah, I promise I will lead UniMAP to greater heights of achievement and to a level of excellence all of us will be proud of. And to do that, I sincerely need your commitment and support as unizens of UniMAP. Let us work together as an effective team giving our best to UniMAP so that UniMAP emerge as a champion in many sectors and the image of UniMAP is well recognised by many, both within the country and at the international level.

As VC for the next two years, on 5th February 2013, I will be delivering the Vice Chancellor annual keynote address (Ucaptama NC 2013) to all staff at 9.30 morning in Dewan 2020. All staff should attend and I seek your cooperation to pay attention to the targets and strategies drawn out for the year 2013. Please give your full commitment, support and love towards making UniMAP a better place to live and work. All of us should be aware of our journey together for the good of UniMAP. For those who are here this morning, please remind your colleagues to be at Dewan 2020 next Tuesday morning.

MAKLUMAN PROGRAM BAKAL BERLANGSUNG

Majlis Ucaptama Tahunan Naib Canselor 2013

1. Seperti yang saya katakan tadi, bagi Majlis Ucaptama Tahunan Naib Canselor 2013, pelbagai maklumat berguna akan saya kongsi dalam ucaptama tersebut. Harapan saya agar semua warga UniMAP dapat bersama-sama hadir pada 5 Februari itu nanti.
2. Bukanlah niat saya untuk mewajibkan kedatangan warga UniMAP pada hari ucaptama tersebut tetapi seperti yang saya katakan minggu lepas, soal hati yang berbolak-bolak ini selalu mengganggu gugat warga UniMAP.

3. Oleh itu, saya sedikit kluatir seandai tidak mewajibkan kehadiran, ramai yang tidak hadir dan objektif penyampaian ucaptama ini tidak berjaya. Sekiranya semua warga UniMAP sepakat dan memberi sokongan kepada program UniMAP, pasti unsur mewajibkan kehadiran ini tidak perlu dilaksanakan. Saya mohon pengertian daripada warga UniMAP kerana ini adalah demi kemajuan universiti kita iaitu UniMAP.

SOROTON PROGRAM MINGGUAN

Hadirin sekalian,

4. Minggu lalu telah berlangsung pelbagai aktiviti yang melibatkan UniMAP. Antaranya ialah:-

Majlis Perjanjian Konsesi Dan MoA UniMAP Bagi Pembinaan Kolej Kediaman

5. Pada 25 Januari lepas, satu Majlis Menandatangani Perjanjian Konsesi Pembinaan Kolej Penginapan Pelajar melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) antara UniMAP dan Syarikat Pembinaan SPK Berhad dan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara UniMAP, UniMAP Holdings Sdn. Bhd. Dan Proven Holdings Bhd. bagi pembinaan Uniciti Alam di Sungai Chuchoh telah berlangsung di Dewan Zaaba Kementerian Pengajian Tinggi dan disaksikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamad Khaled Nordin.

6. Seperti yang kita tahu, pembinaan Kolej Penginapan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) merupakan sebahagian usaha kerajaan dan juga universiti untuk menyediakan persekitaran yang kondusif kepada pelajar-pelajar. Ini membolehkan pelajar untuk mengikuti pengajian dengan selesa tanpa perlu memikirkan mengenai masalah tempat tinggal.

- 7. Harapan kita agar pihak pemaju dapat memberikan komitmen yang tinggi bagi menyiapkan projek ini dengan kualiti pembinaan yang terbaik dan penyelenggaraan yang memuaskan serta dapat diduduki mengikut jadual yang telah ditetapkan. Hal ini kerana, keperluan kita untuk memberikan penempatan terbaik kepada pelajar-pelajar kita yang kian bertambah saban tahun adalah sangat mendesak. Ini adalah tugas pihak Jabatan Pembangunan kita bagi memastikan pihak pemaju mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti dalam perjanjian pembinaan.**

Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Ikon Varsiti BH

8. Satu perkara yang membanggakan saya apabila Pelajar Master Kejuruteraan Bioproses kita, Ainatul Alia Alias berjaya merangkul gelaran Ikon Varsiti BH 2012 bagi kategori

Teknologi: Agro dan Inovasi pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Ikon Varsiti BH yang diadakan di Hotel Royale Chulan pada 25 Januari 2013 lalu.

9. Hasil kemenangan itu, beliau berjaya membawa pulang wang tunai RM 2,000 dan trofi. Apa yang menyentuh hati saya adalah apabila dimaklumkan oleh pensyarahnya bahawa Ainatul Alia dilahirkan dalam keluarga petani yang bukan dari golongan yang 'berada' dan pernah satu ketika keluarga beliau mahukan beliau bekerja lebih awal untuk membantu meningkatkan pendapatan keluarganya. Namun selepas beliau memujuk dan memberikan penjelasan kepada keluarganya, disinilah beliau akhirnya – berada bersama kita dan telah beberapa kali mengharumkan nama UniMAP bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah antarabangsa.

10. Sebagai makluman warga UniMAP, Anugerah Ikon Varsiti 2012 yang julung kali diadakan ini merupakan anjuran Berita Harian dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu berkumpulan dan individu. Bagi kategori individu ia dibahagikan mengikut 10 bidang Kepimpinan, Sukan, Penyelidikan Sains – Inovasi, Seni Reka – Kreativiti, Seni Bina Bangunan – Kreativiti, Fesyen – Kreativiti, Sukarelawan – Pembabitan dalam Agro dan Program Kemasyarakatan, Keusahawanan – Inovasi dan Kreativiti, Kejuruteraan – Inovasi, Teknologi: Agro dan Inovasi.

11. Manakala empat bidang yang dipertandingkan dalam kategori berkumpulan pula ialah Projek Khidmat Sosial – Dalam Negara, Projek Khidmat Sosial – Luar Negara, Projek Inovasi, dan Seminar/Persidangan.
12. Saya juga percaya dengan adanya anugerah Ikon Varsiti BH yang memberi pengiktirafan kepada para pelajar IPT akan membantu mempercepatkan usaha Malaysia bagi melahirkan Nobel Laureate. InsyaAllah.
13. **Oleh itu, saya menyeru semua penyelidik UniMAP agar dapat melipat-gandakan usaha dengan menjalankan penyelidikan dan berikan sokongan serta galakkan kepada para pelajar kita melahirkan ide-ide penyelidikan yang lebih kreatif dan inovatif. InsyaAllah, sekiranya Ikon Varsiti BH ini menjadi acara tahunan, saya berharap agar bagi setiap kategori itu akan diisi dengan pelajar UniMAP.**
14. **Sama seperti yang telah dikatakan oleh Dato' Seri Khaled dalam ucapannya pada majlis tersebut iaitu program anjuran BH ini menjadi penanda aras keberkesanan program yang kementerian laksanakan. Samalah juga seperti kita diperingkat universiti, sekiranya kita menjalankan banyak penyelidikan yang berkualiti tinggi pasti akan membuahkan hasil yang akhirnya akan**

menampakkan keberkesanan penerapan program yang kita laksanakan kepada para pelajar kita. Ayuh, mulakan usaha itu dari sekarang.

Malam Anugerah Tokoh Alumni UniMAP 2013

15. Pada 26 Januari bersamaan hari Sabtu, Persatuan Alumni UniMAP telah mengadakan Malam Anugerah Tokoh Alumni UniMAP 2013 yang dihadiri hampir 300 alumni kita. Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail merangkap Canselor UniMAP turut berkenan berangkat ke majlis penganugerahan tersebut. Turut berangkat Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah merangkap Pro- Canselor UniMAP.

16. Satu majlis yang julung kali diadakan ini cukup meriah kerana dapat menghimpunkan alumni yang telah kita hasilkan sejak 2006 lagi. Bertambah meriah kerana turut diadakan majlis penganugerahan bagi alumni yang memiliki kriteria yang telah ditetapkan bagi setiap Anugerah Tokoh Alumni bagi Anugerah Akademik, Anugerah Industri dan Anugerah Keusahawanan.

PENUTUP

Rasanya cukup setakat ini, saya sudah ucapkan saya pada pagi ini dengan mutiara kata,

- **Setiap yang kita lakukan biarlah jujur kerana kejujuran itu terlalu penting dalam sebuah kehidupan. Tanpa kejujuran hidup sentiasa menjadi mainan orang.**
- **Keikhlasan itu umpama seekor semut hitam di atas batu yang hitam di malam yang amat kelam. Ianya wujud tapi amat sukar dilihat.**
- **Hidup memerlukan pengorbanan. Pengorbanan memerlukan perjuangan. Perjuangan memerlukan ketabahan. Ketabahan memerlukan keyakinan. Keyakinan pula menentukan kejayaan. Kejayaan pula akan menentukan kebahagiaan.**

InsyaAllah. Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.